



# PENYATA KEWANGAN

## NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS





**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
TAHUN 2023**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus 2023 disediakan oleh Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentang di Dewan Undangan Negeri mengikut kehendak Seksyen 16(2) Akta yang sama.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus melaporkan urusan kewangan berkaitan punca dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Dewan Undangan Negeri bagi tahun kewangan 2023.

Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Nota Kepada Penyata Kewangan mengandungi penjelasan lanjut serta jadual terperinci berkaitan jumlah di Penyata Kewangan.



## **PENGHARGAAN**

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan yang telah memberikan sumbangan dan kerjasama kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan dalam menyiapkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Tahun 2023.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua pegawai dan warga kerja Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan di atas kejayaan menghasilkan Penyata Kewangan ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua Audit Negara khususnya Pengarah Jabatan Audit Negara, Negeri Sembilan serta semua pegawainya atas nasihat dan kerjasama yang diberikan sepanjang tahun kewangan 2023. Perancangan yang tersusun, komitmen, diikuti dengan pertanggungjawaban semua pihak telah membolehkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Tahun 2023 disediakan dengan sempurna dan bertepatan masa untuk diaudit seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

**(YB. DATO' HAJI MOHD-KHIDIR BIN MAJID)**

Pegawai Kewangan Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus

# KANDUNGAN

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

2023



<b>TAJUK</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>LAPORAN BENDAHARI NEGERI</b>	<b>01 - 11</b>
<b>PENYATA KEWANGAN</b>	<b>12 - 33</b>
• Sijil Ketua Audit Negara	12 - 15
• Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus	16
• Penyata Kedudukan Kewangan	17
• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	18
• Penyata Prestasi Kewangan	19
• Penyata Akaun Memorandum	20
• Nota Kepada Penyata Kewangan	21 - 35
<b>LAMPIRAN KEPADA NOTA</b>	<b>36 - 74</b>
• Lampiran 1      Penyata Perbelanjaan Mengurus	36 - 47
• Lampiran 2      Penyata Perbelanjaan Pembangunan	48 - 53
• Lampiran 3      Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	54
• Lampiran 3 (i)    Penyata Lengkap Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	55 - 56
• Lampiran 4      Penyata Akaun Memorandum Pelaburan	57
• Lampiran 5      Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam Dalam Negeri	58
• Lampiran 5 (i)    Penyata Lengkap Memorandum Hutang Awam Dalam Negeri	59 - 65
• Lampiran 6      Penyata Lengkap Kumpulan Wang Amanah Awam	66 - 69
• Lampiran 7      Penyata Akaun Wang Deposit	70 - 74





# LAPORAN BENDAHARI NEGERI

**KERAJAAN NEGERI SEMBILAN  
DARUL KHUSUS  
LAPORAN BENDAHARI NEGERI TAHUN 2023**


**1. Pendahuluan**

- 1.1 Penyata Kewangan Negeri, Negeri Sembilan dan laporannya disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak 1972) dan Piawai Perakaunan Kerajaan Malaysia. Laporan ini bertujuan menerangkan kedudukan kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri serta ringkasan urusan kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

**KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

**2. Prestasi Belanjawan 2023**

- 2.1 Belanjawan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2023 bertemakan **Melunas Janji, Menggalas Harapan**.
- 2.2 **Belanjawan 2023 telah diluluskan** oleh Dewan Undangan Negeri pada **1 Disember 2022 dengan peruntukan berjumlah RM550.00 juta** bagi melaksanakan Sembilan (9) bidang tumpuan dan 64 inisiatif belanjawan. Selaras dengan Hasrat Kerajaan Negeri untuk **Melunas Janji, Menggalas Harapan**, Persidangan Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan juga telah meluluskan **peruntukan tambahan sebanyak RM8.96 juta pada 12 Oktober 2023** bagi perbelanjaan mengurus untuk menampung kekurangan peruntukan. Belanjawan Kerajaan Negeri Sembilan tahun 2023 adalah belanjawan defisit di mana anggaran hasil ditetapkan adalah **RM450.00 juta** dan peruntukan perbelanjaan mengurus sebanyak **RM558.96 juta**. Manakala perbelanjaan pembangunan diunjurkan sebanyak **RM126.07 juta**.
- 2.3 **Prestasi kutipan hasil tahun 2023** adalah berjumlah **RM541.43 juta bersamaan 120.32%** berbanding dengan anggaran hasil RM450.00 juta. **Prestasi perbelanjaan mengurus** yang terdiri daripada perbelanjaan tanggungan dan perbelanjaan bekalan adalah sebanyak **RM536.50 juta** (termasuk caruman ke Kumpulan Wang Pembangunan (KWP) **bersamaan 95.98%** berbanding anggaran peruntukan sebanyak RM558.96 juta). Manakala prestasi **perbelanjaan pembangunan** telah mencatatkan perbelanjaan sebanyak **RM119.48 juta bersamaan 94.77%** berbanding anggaran sebanyak RM126.07 juta.




**Carta 1 :**  
**Prestasi Belanjawan Berbanding Prestasi Sebenar Kutipan Hasil Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2023**

### 3. Prestasi Kewangan

- 3.1 **Prestasi kewangan** Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2023 telah **menunjukkan pertambahan dalam Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM4.93 juta** berbanding tahun 2022. Pertambahan ini adalah disebabkan oleh kutipan hasil adalah lebih tinggi berbanding perbelanjaan mengurus (termasuk caruman KWP). Manakala akaun **Kumpulan Wang Pembangunan menunjukkan lebih sebanyak RM0.13 juta** yang disebabkan oleh terimaan pembangunan yang lebih tinggi berbanding perbelanjaan daripada akaun tersebut.
- 3.2 Ringkasan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2023 adalah seperti di **Jadual 1** dan **Carta 2** menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2019 hingga 2023.

BUTIRAN	2023 RM JUTA	2022 RM JUTA
<b>AKAUN HASIL DISATUKAN</b>		
Hasil	541.43	521.21
Perbelanjaan Mengurus (sebelum caruman kepada KWP)	(453.89)	(400.52)
	<b>87.54</b>	<b>120.69</b>
Caruman kepada : Kumpulan Wang Pembangunan	(82.61)	(89.71)
<b>Lebihan / (Kurangan) Akaun Hasil Disatukan</b>	<b>4.93</b>	<b>30.98</b>
<b>AKAUN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN</b>		
Terimaan	119.61	115.10
Perbelanjaan Pembangunan	(119.48)	(114.91)
<b>Lebihan / (Kurangan) Akaun Kumpulan Wang Pembangunan</b>	<b>0.13</b>	<b>0.19</b>

**Jadual 1 : Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2023 berbanding 2022**



TAHUN	2019	2020	2021	2022	2023
Hasil	556.44	447.88	397.44	521.21	541.43
Perbelanjaan Mengurus **	408.98	490.02	497.51	490.23	536.50
Perbelanjaan Pembangunan	104.17	92.55	144.44	114.91	119.48

\*\* termasuk caruman Kumpulan Wang Pembangunan

**Carta 2 :  
Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tempoh Tahun 2019 hingga 2023**

## PERAKAUNAN KERAJAAN NEGERI

### 4. Penyata Kewangan

4.1 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Nota Kepada Penyata Kewangan mengandungi penjelasan lanjut serta jadual terperinci berkaitan jumlah di Penyata.

### 5. Penyata Kedudukan Kewangan

5.1 Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan jumlah Wang Awam (terdiri daripada wang tunai dan pelaburan) yang dipegang oleh ketiga-tiga akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

5.2 **Kumpulan Wang Disatukan** yang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan seperti pada 31 Disember 2023 menurun sebanyak **RM40.42 juta (6.32%)** kepada **RM599.50 juta** berbanding RM639.92 juta pada tahun 2022.

Sepanjang tahun 2023 tiada pinjaman baru yang dipohon Kerajaan Negeri Sembilan daripada Kerajaan Persekutuan. Baki Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2023 adalah berbaki sifar.



**Carta 3 :**  
**Kedudukan Baki Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tempoh**  
**2019 Hingga 2023**



### 5.3 Wang Awam

#### 5.3.1 Wang Tunai

Pada akhir tahun 2023, kedudukan wang tunai Kerajaan Negeri adalah **berjumlah RM139.04 juta** terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank sebanyak RM138.85 juta dan Wang Tunai Dalam Tangan sebanyak RM0.19 juta.

Laporan terperinci mengenai Wang Tunai boleh dirujuk kepada **Nota 3, Nota Kepada Penyata Kewangan**.

#### 5.3.2 Pelaburan


Pada 31 Disember 2023, nilai Pelaburan Kerajaan Negeri telah **menurun** sebanyak RM40.77 juta (8.13%) **kepada RM460.47 juta berbanding RM501.24 juta pada tahun 2022**. Penurunan ini adalah disebabkan penurunan dalam Simpanan Tetap Jangka Panjang.

Laporan terperinci mengenai pelaburan boleh dirujuk kepada **Nota 4, Nota Kepada Penyata Kewangan**.

### 5.4 Kumpulan Wang Disatukan

#### 5.4.1 Akaun Hasil Disatukan

Hasil Kerajaan Negeri dibahagikan kepada tiga (3) kategori utama iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Kerajaan Negeri pada **tahun 2023** berjaya **mencatatkan kutipan hasil berjumlah RM541.43 juta** bersamaan dengan **120.32% berbanding anggaran hasil** yang berjumlah **RM450.00 juta**.



**Carta 4 :**  
**Kedudukan Akaun Hasil Disatukan Dari Tahun 2019 Hingga 2023**

**(a) Hasil Cukai**


Hasil Cukai menyumbangkan sejumlah **RM152.38 juta** atau **28.14%** dari keseluruhan kutipan hasil negeri. Jumlah ini menurun sebanyak RM8.27 juta berbanding hasil cukai tahun 2022. Pungutan dari **Cukai Langsung** berjumlah **RM147.26 juta** manakala **RM5.12 juta** terdiri daripada **Cukai Tidak Langsung**. Cukai Langsung terdiri daripada Cukai Tanah berjumlah **RM144.96 juta** dan Royalti berjumlah **RM2.30 juta** manakala Cukai Tidak Langsung sebanyak **RM5.12 juta** dikutip dari Cukai Hiburan.

**(b) Hasil Bukan Cukai**


Prestasi pungutan **Hasil Bukan Cukai** adalah sebanyak **RM325.05 juta** pada tahun 2023 berbanding **RM297.53 juta** pada tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak **RM27.52 juta**. Hasil Bukan Cukai menyumbangkan **60.04%** dari keseluruhan hasil negeri tahun 2023, yang terdiri daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit sebanyak RM39.94 juta, Perkhidmatan dan Bayaran sebanyak RM30.40 juta, Perolehan dari Jualan Barang-Barang sebanyak RM212.66 juta, Sewaan sebanyak RM9.53 juta, Faedah dan Perolehan dari Pelaburan sebanyak RM27.27 juta, Denda dan Hukuman sebanyak RM4.45 juta, Sumbangan dan Bayaran Ganti Daripada Luar Negeri dan Sumbangan Tempatan sebanyak RM0.80 juta.

**(c) Terimaan Bukan Hasil**

**Terimaan Bukan Hasil** adalah sebanyak **RM64.00 juta** pada tahun 2023 berbanding **RM63.04 juta** pada tahun 2022. Kutipan ini menunjukkan peningkatan sebanyak **RM0.96 juta** berbanding tahun 2022. Terimaan Bukan Hasil ini menyumbangkan **11.82%** dari keseluruhan Hasil Negeri tahun 2023.



**Carta 5 :**  
**Pecahan Jenis Hasil Pada Tahun 2023**



**Carta 6 :**  
**Prestasi Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2019 Hingga 2023**


**(d) Perbelanjaan Mengurus**

**Prestasi Perbelanjaan Mengurus** bagi tahun 2023 mencapai **95.98%** berbanding jumlah yang diperuntukkan. Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2023 berjumlah **RM536.50 juta** berbanding RM490.23 juta pada tahun 2022 menunjukkan **peningkatan sebanyak RM46.27 juta (9.44%)**.



**Carta 7 :**  
**Pecahan Belanja Mengurus Pada Tahun 2023**





**Carta 8 :**  
**Prestasi Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2019 Hingga 2023**

#### 5.4.2 Akaun Pinjaman Disatukan


Akaun Pinjaman Disatukan memperakaunkan semua pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan dan pembayaran yang berkaitan.

Sepanjang tahun 2023 tiada pinjaman baru yang dipohon Kerajaan Negeri Sembilan daripada Kerajaan Persekutuan. Baki Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2023 adalah berbaki sifar.

#### 5.4.3 Akaun Amanah Disatukan

##### (a) Kumpulan Wang Pembangunan

Bagi tahun 2023, Kumpulan Wang Pembangunan Negeri mencatatkan **lebih RM0.13 juta** berbanding RM0.19 juta pada tahun 2022. **Terimaan Kumpulan Wang** ini bagi tahun 2023 adalah **RM119.61 juta** berbanding RM115.10 juta pada tahun 2022. Manakala Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2023 adalah sebanyak **RM119.48 juta** berbanding RM114.91 juta pada tahun 2022.



**Carta 9 :**  
**Penerimaan Dan Perbelanjaan Pembangunan Negeri Sembilan**  
**Bagi Tahun 2019 Hingga 2023**

**(b) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Baki terkumpul Kumpulan Wang ini adalah berjumlah **RM257.47 juta** berbanding **RM298.59 juta pada tahun 2022**. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah ini terdiri dari Akaun Penyelesaian sebanyak RM2.00 juta, Akaun Pinjaman RM14.17 juta, Kumpulan Wang Luar Jangka sebanyak RM0.84 juta dan Pelbagai Kumpulan Wang sebanyak RM240.46 juta.

Laporan terperinci Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(iii) – Nota Kepada Penyata Kewangan**.

**(c) Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) untuk mengakaunkan wang amanah yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri dan Amanah Khas bagi mengakaunkan wang yang diterima bagi maksud tertentu.

**Terimaan Kumpulan Wang Amanah** ini pada tahun 2023 berjumlah **RM310.63 juta** manakala **bayarannya** berjumlah **RM310.01 juta** menjadikan **baki terkumpul** Kumpulan Wang ini berjumlah **RM170.81 juta** pada tahun 2023 berbanding RM170.19 juta pada tahun 2022.

Laporan Kumpulan Wang Amanah Awam boleh dirujuk kepada **Nota 7(b) – Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 6 - Lampiran Kepada Nota**.



**(d) Deposit**

Deposit adalah terdiri daripada wang yang diterima khusus oleh Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu mengikut undang-undang atau mengikut perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud berkenaan telah dicapai. **Baki Deposit** yang dikendalikan oleh Jabatan Kerajaan Negeri pada **tahun 2023** adalah sebanyak **RM110.44 juta** berbanding tahun 2022 berjumlah RM115.43 juta.

Laporan Terperinci Akaun Deposit boleh dirujuk kepada **Nota 7(c) – Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 7 - Lampiran Kepada Nota.**

**6. Penyata Akaun Memorandum**
**6.1 Memorandum Aset**
**6.1.1 Pinjaman Boleh Dituntut**

**Baki pinjaman oleh agensi-agensi lain daripada Kerajaan Negeri** sehingga **31 Disember 2023** telah mencatatkan penurunan kepada **RM36.83 juta** berbanding RM39.32 juta pada tahun 2022.

Pada tahun 2023, **terimaan bayaran balik (pokok)** sebanyak **RM2.50 juta** dan **tiada bayaran faedah** telah dibuat kepada Kerajaan Negeri.

Pecahan baki Pinjaman Boleh Tuntut (pokok) mengikut agensi terdiri daripada Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan sebanyak RM20.33 juta atau 55.20%, Majlis Bandaraya Seremban sebanyak RM6.96 juta atau 18.90%, dan Yayasan Negeri Sembilan RM9.54 juta atau 25.90%.

Laporan terperinci Pinjaman Boleh Tuntut boleh dirujuk kepada **Lampiran 3 dan Lampiran 3(i) – Lampiran Kepada Nota. Jadual 2** menunjukkan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Tuntut (pokok) daripada agensi pada tahun 2023 dan 2022.

BUTIRAN	2023 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	1.84	2.03
Majlis Bandaraya Seremban	0.20	0.20
Yayasan Negeri Sembilan	0.46	2.10
<b>Jumlah</b>	<b>2.50</b>	<b>4.33</b>

**Jadual 2 :**  
**Bayaran Balik Pinjaman Boleh Tuntut (Pokok)**

### 6.1.2 Pelaburan

Pelaburan Kerajaan Negeri yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada tahun 2023 adalah sebanyak **RM47.72 juta** yang dibiayai melalui **Akaun Amanah Pelaburan Negeri Sembilan**.

Laporan terperinci Pelaburan boleh dirujuk kepada **Lampiran 4 – Lampiran Kepada Nota**.


## 6.2 Memorandum Liabiliti

### 6.2.1 Hutang Negeri

**Hutang Awam Kerajaan Negeri (pokok)** kepada Kerajaan Persekutuan sehingga **31 Disember 2023** telah berkurangan sebanyak **RM1.04 juta** kepada **RM925.79 juta** berbanding **RM926.83 juta** pada tahun 2022. Pengurangan jumlah dalam baki hutang ini adalah disebabkan pembayaran balik yang dilakukan dan tiada penambahan pinjaman baru bagi tahun 2023.

**Pecahan Hutang** Kerajaan Negeri (pokok) mengikut sektor terdiri daripada **Rancangan Bekalan Air** sebanyak **RM721.28 juta** atau 77.91% (iaitu Projek Bekalan Air RMK9 yang masih belum siap dan belum diambil alih oleh Perbadanan Aset Air Bhd (PAAB) diikuti **Perumahan Awam Kos Rendah** sebanyak **RM74.28 juta** atau 8.02% dan **Perbadanan Kemajuan Negeri** sebanyak **RM15.23 juta** atau 1.65% dan **Pelbagai Hutang** sebanyak **RM115.00 juta** atau 12.42%

Laporan terperinci hutang Kerajaan Negeri boleh dirujuk kepada **Lampiran 5 – Lampiran Kepada Nota**.



Carta 10 :  
Baki Hutang Kerajaan Negeri (Pokok) Dari Tahun 2019 Hingga 2023



## **PENYATA KEWANGAN**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Kerajaan Negeri Sembilan dan Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 16 hingga 33.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawai Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting).

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Sembilan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.



### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Pegawai Kewangan Negeri, Kerajaan Negeri Sembilan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan**

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting). Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Sembilan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.



Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Sembilan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Sembilan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Pegawai Kewangan Negeri telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Hal-hal Lain**

Kerajaan Negeri Sembilan perlu memberi perhatian terhadap perkara berikut:

- a. Memastikan pengurusan kutipan Akaun Belum Terima dilaksanakan dengan lebih berkesan serta usaha berterusan melalui penetapan sasaran kutipan mengikut tempoh masa dan daerah bagi mengurangkan atau mengelakkan hapus kira hasil.
- b. Memastikan bayaran balik Pinjaman Boleh Tuntut oleh Badan Berkanun Negeri dibayar mengikut jadual dan dipantau oleh Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri agar tidak menjejaskan aliran tunai Kerajaan Negeri.

Sijil ini disediakan selaras dengan Fasal (1) Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



**(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)**  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
21 JUN 2024



**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
DAN  
BENDAHARI NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:


- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua jabatan Kerajaan Negeri

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum beserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2023.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus Tahun 2023.



**YB. DATO' HAJI MOHD KHIDIR BIN MAJID**  
Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus  
30 Januari 2024



**DATIN ARPAH BINTI JAIS @ MHD DAHLAN**  
Bendahari Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus  
30 Januari 2024

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**
**PADA 31 DISEMBER 2023**

Penyata	Nota	2023 (RM)	2022 (RM)
<b>WANG AWAM</b>			
WANG TUNAI	3	139,035,327.27	138,673,293.27
PELABURAN	4	460,470,000.00	501,244,304.29
		<b>599,505,327.27</b>	<b>639,917,597.56</b>
DIPEGANG BAGI:			
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	410,480,754.30	405,549,552.57
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	189,024,572.97	234,368,044.99
		<b>599,505,327.27</b>	<b>639,917,597.56</b>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	2023 (RM)		2022 (RM)	
<b>TERIMAAN HASIL</b>				
Hasil Cukai	152,379,038.84		160,648,620.12	
Hasil Bukan Cukai	325,045,221.03		297,529,063.33	
Terimaan Bukan Hasil	64,004,826.19		63,040,751.67	
		<b>541,429,086.06</b>		<b>521,218,435.12</b>
<b>PINJAMAN</b>				
Pinjaman Dalam Negeri	0.00		10.00	
		<b>0.00</b>		<b>10.00</b>
<b>TERIMAAN MODAL</b>				
Pelbagai Terimaan Modal				
Jualan Instrumen Kewangan	431,900,882.55		395,472,273.97	
		<b>431,900,882.55</b>		<b>395,472,273.97</b>
<b>TERIMAAN LAIN</b>				
Terimaan Amanah	4,671,100,913.57		4,461,268,920.97	
		<b>4,671,100,913.57</b>		<b>4,461,268,920.97</b>
<b>JUMLAH TERIMAAN</b>		<b>5,644,430,882.18</b>		<b>5,377,959,640.06</b>
<b>BAYARAN PERBELANJAAN MENGRUS</b>				
Emolumen	(211,843,236.90)		(192,660,340.59)	
Perkhidmatan Dan Bekalan	(110,857,971.79)		(99,091,736.44)	
Aset	(1,772,677.80)		(1,802,383.18)	
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	(211,603,784.53)		(190,166,538.35)	
Perbelanjaan Lain	(420,213.31)		(6,516,894.05)	
		<b>(536,497,884.33)</b>		<b>(490,237,892.61)</b>
<b>PERBELANJAAN PEMBANGUNAN</b>				
Langsung	(119,477,890.62)		(114,907,567.76)	
Pinjaman	0.00		-	
		<b>(119,477,890.62)</b>		<b>(114,907,567.76)</b>
<b>PERBELANJAAN MODAL</b>				
Pelbagai Perbelanjaan Modal	0.00			
Pembelian Instrumen Kewangan	(391,126,578.26)		(435,472,273.97)	
		<b>(391,126,578.26)</b>		<b>(435,472,273.97)</b>
<b>BAYARAN BALIK PINJAMAN</b>				
Pinjaman Dalam Negeri	-		(10.00)	
Pinjaman Kepada Agensi /Pindahan	-		-	
Kepada Akaun Amanah				
		<b>-</b>		<b>(10.00)</b>
<b>BAYARAN LAIN</b>				
Bayaran Amanah	(4,596,966,494.97)		(4,471,053,145.77)	
		<b>(4,596,966,494.97)</b>		<b>(4,471,053,145.77)</b>
<b>JUMLAH BAYARAN</b>		<b>(5,644,068,848.18)</b>		<b>(5,511,670,890.11)</b>
Tambahan /(Kurangan)Wang Tunai		362,034.00		(133,711,250.05)
Wang Tunai Pada 31 Disember 2022		138,673,293.27		272,384,543.32
<b>WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER 2023</b>		<b>139,035,327.27</b>		<b>138,673,293.27</b>



**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	Nota	2023		2022
		Anggaran (RM)	Sebenar (RM)	Sebenar (RM)
<b>HASIL</b>	5	450,000,000.00	541,429,086.06	521,218,435.12
Tolak :				
Belanja Mengurus *	5	558,960,000.00	453,889,021.42	400,523,644.81
<b>LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL</b>		<b>(108,960,000.00)</b>	<b>87,540,064.64</b>	<b>120,694,790.31</b>
Tolak :				
Belanja Pembangunan	7	126,074,539.00	119,477,890.62	114,907,567.76
<b>LEBIHAN/ (KURANGAN) KESELURUHAN</b>		<b>(235,034,539.00)</b>	<b>(31,937,825.98)</b>	<b>5,787,222.55</b>
<b>LEBIHAN DISOKONG OLEH/ (KURANGAN DIBIYAI OLEH):</b>				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	6		0.00	0.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		(37,005,315.60)	(25,387,919.10)
Perubahan Tunai , Pelaburan dan Amanah	3,4,7		5,067,489.62	31,175,141.65
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>			<b>(31,937,825.98)</b>	<b>5,787,222.55</b>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

\* Belanja mengurus adalah termasuk bayaran balik pinjaman dalam negeri tetapi tidak termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan (KWP) .

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM**  
**PADA 31 DISEMBER 2023**

	<b>Nota</b>	<b>2023 (RM)</b>	<b>2022 (RM)</b>
<b>MEMORANDUM ASET</b>			
Pinjaman Boleh Dituntut	8a	36,825,984.12	39,325,504.85
Pelaburan	8b	47,717,000.00	47,717,000.00
<b>MEMORANDUM LIABILITI</b>			
Hutang Kerajaan Negeri	9	925,793,011.53	926,834,078.11

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## **NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

### **BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

---

#### **DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN**

##### **1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN**

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
  - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil Agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
  - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu dan Perkara LXXIV Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan memperuntukkan mengenai pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri.
  - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi dengan pengubahsuaian seperti berikut:
  - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
  - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
  - iii) Mengakaun urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan yang merupakan caruman daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapus kira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagai mana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas (12) bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM).
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

## 2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

## 3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di Institusi Kewangan, Simpanan Tetap bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang yang berjumlah RM138,850,427.27 diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan Para 1.2.3. Cash Basis IPSAS dan Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK2) Disemak 2010.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai Perbendaharaan Negeri pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

Perihal	2023 (RM)	2022 (RM)
Wang Tunai Dalam Bank	138,850,427.27	138,445,044.34
Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	35,348.93
Wang Tunai Dalam Tangan	184,900.00	192,900.00
<b>JUMLAH WANG TUNAI</b>	<b>139,035,327.27</b>	<b>138,673,293.27</b>

#### 4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah (sekiranya ada) dan Pelaburan Wang Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Arahan Amanah Seksyen 9 dan surat cara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

Pelaburan pada 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

Perihal	2023 Nilai Buku Pelaburan AM (RM)	2022 Nilai Buku Pelaburan AM (RM)
Simpanan Tetap Jangka Panjang	250,552,273.97	271,326,578.26
SUKUK	209,917,726.03	229,917,726.03
<b>JUMLAH PELABURAN</b>	<b>460,470,000.00</b>	<b>501,244,304.29</b>

#### 5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusan terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sebanyak RM82,608,862.91 telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan sebagai caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

Perihal	2023			2022	
	Anggaran RM	Sebenar		Sebenar	
		RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>				<b>374,569,010.06</b>	
<b>HASIL</b>					
Hasil Cukai	159,840,000.00	152,379,038.84	95.33	160,648,620.12	100.18
Hasil Bukan Cukai	227,960,000.00	325,045,221.03	142.59	297,529,063.33	140.58
Terimaan Bukan Hasil	62,200,000.00	64,004,826.19	102.90	63,040,751.67	105.07
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>450,000,000.00</b>	<b>541,429,086.06</b>	<b>120.32</b>	<b>521,218,435.12</b>	<b>120.65</b>
<b>PERBELANJAAN MENGURUS</b>					
Emolumen	214,256,837.43	211,843,236.90	98.87	192,660,340.59	95.74
Perkhidmatan dan Bekalan	114,235,140.81	110,857,971.79	97.04	99,091,736.44	92.29
Aset	1,971,276.00	1,772,677.80	89.93	1,802,383.18	97.54
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap **	114,539,239.27	128,994,921.62	112.62	100,452,290.55	51.53



Perihal	2023			2022	
	Anggaran RM	Sebenar		Sebenar	
		RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	4,453,506.49	420,213.31	9.44	6,516,894.05	46.53
<b>Perbelanjaan Mengurus (sebelum caruman)</b>	<b>449,456,000.00</b>	<b>453,889,021.42</b>	<b>100.99</b>	<b>400,523,644.81</b>	<b>77.11</b>
Caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan	109,504,000.00	82,608,862.91	75.44	89,714,247.80	81.93
<b>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas caruman)</b>	<b>558,960,000.00</b>	<b>536,497,884.33</b>	<b>95.98</b>	<b>490,237,892.61</b>	<b>94.39</b>
Lebihan / (Kurangan) bagi Tahun	(108,960,000.00)	4,931,201.73		30,980,542.51	
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>410,480,754.30</b>		<b>405,549,552.57</b>	

Nota: (\*\*) - Tidak termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

**(a) Hasil**

Kutipan hasil diakaunkan mengikut asas tunai dan diakaunkan secara jumlah kasar mengikut asas tunai ke dalam Akaun Hasil kecuali diuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

Perihal	2023			2022	
	Anggaran RM	Sebenar		Sebenar	
		RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
<b>HASIL CUKAI</b>					
Cukai Tanah	149,540,000.00	144,963,753.62	96.94	151,395,681.35	98.27
Cukai Langsung Lain	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Royalti	4,300,000.00	2,295,806.25	53.39	3,958,922.86	119.97
Cukai Hiburan	6,000,000.00	5,119,478.97	85.32	5,294,015.91	176.47
Pelbagai Cukai Tidak Langsung	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
<b>Jumlah Hasil Cukai</b>	<b>159,840,000.00</b>	<b>152,379,038.84</b>	<b>95.33</b>	<b>160,648,620.12</b>	<b>100.18</b>
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>					
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	48,584,000.00	39,937,432.58	82.20	37,281,773.28	89.43
Perkhidmatan dan Bayaran	19,891,000.00	30,400,387.59	152.83	24,666,854.62	121.75
Perolehan Daripada Jualan Barang-barang	122,666,000.00	212,659,859.09	173.36	196,021,211.04	184.04
Sewaan	5,380,000.00	9,527,643.28	177.09	8,675,623.21	180.22
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	27,831,000.00	27,266,200.70	97.97	20,440,769.57	57.91
Denda dan Hukuman	3,608,000.00	4,453,697.79	123.44	6,442,831.61	213.69

Perihal	2023			2022	
	Anggaran RM	Sebenar		Sebenar	
		RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
Sumbangan dan Bayaran Ganti Daripada Luar Negeri dan Sumbangan Tempatan	0.00	800,000.00	0.00	4,000,000.00	8,000.00
<b>Jumlah Hasil Bukan Cukai</b>	<b>227,960,000.00</b>	<b>325,045,221.03</b>	<b>142.59</b>	<b>297,529,063.33</b>	<b>140.58</b>
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>					
Pulangan Balik Perbelanjaan	1,877,000.00	2,395,331.39	127.61	4,716,924.72	256.22
Keuntungan Atas Jualan Pelupusan Aset	0.00	163,442.60	0.00	34,839.90	0.00
Terimaan Daripada Agensi - Agensi Kerajaan	60,323,000.00	61,404,115.75	101.79	58,127,563.55	99.95
Pelbagai Terimaan	0.00	41,936.45	0.00	161,423.50	0.00
<b>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</b>	<b>62,200,000.00</b>	<b>64,004,826.19</b>	<b>102.90</b>	<b>63,040,751.67</b>	<b>105.07</b>
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>450,000,000.00</b>	<b>541,429,086.06</b>	<b>120.32</b>	<b>521,218,435.12</b>	<b>120.65</b>

### (b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan Perbelanjaan-perbelanjaan Lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan dan Perkara LXXIV Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan.

Bagi maksud perbelanjaan yang telah melebihi peruntukan, suatu anggaran tambahan dibentangkan di sesi Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 101(b) Perlembagaan Persekutuan dan Perkara LXXIII Undang-Undang Tubuh Negeri Sembilan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2023			
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	% Anggaran
<b>PERBELANJAAN TANGGUNGAN</b>				
T.01 Peruntukan Diraja	530,000.00	618,000.00	617,426.88	99.91
T.03 Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri	230,000.00	230,000.00	165,134.66	71.80
T.04 Bayaran Hutang Kerajaan	1,000,000.00	1,550,000.00	1,548,357.24	99.89
T.05 Perintah Mahkamah	3,000,000.00	3,000,000.00	60,000.00	2.00
T.06 Pencen dan Ganjaran	18,233,000.00	18,233,000.00	15,702,110.25	86.12
T.07 Peruntukan Undang Yang Empat serta Tunku BesarTampin	1,485,000.00	1,485,000.00	1,460,969.68	98.38
